

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bahasa tidak statik, melainkan jika sesebuah bahasa itu merupakan bahasa beku. Ini adalah kerana bahasa beku tidak lagi mengalami perubahan seperti bahasa-bahasa lain yang masih dinamik dalam dunia ini (Asmah, 1985:11). Bahasa-bahasa yang masih wujud kini sudah tentu akan mengalami perubahan supaya dapat menampung keperluan pengguna sesuatu bahasa. Seperti bahasa-bahasa lain juga, Bahasa Jerman tidak terkecuali daripada perubahan walaupun Bahasa Jerman telah wujud selama 1200 tahun (Glück, H., 2004) dan diseragamkan dua abad yang lepas. Bahasa Jerman tidak statik malah hidup.

1.1. Latar belakang kajian

Fenomena globalisasi telah mengunggulkan Bahasa Inggeris. Kejadian globalisasi menyebabkan Bahasa Inggeris menular dengan pantas dan luas sehingga menjadi lingua franca antarabangsa, iaitu bahasa pengantar yang paling penting dan paling luas digunakan di Eropah pada masa kini. Selain itu, Bahasa Inggeris telah mencerobohi bahasa kebangsaan di negara-negara Eropah (DW-World.de, 2004). Bahasa Jerman berubah dengan begitu pesat kerana dipengaruhi oleh fenomena globalisasi ini. Bahasa Inggeris kini mempunyai pengaruh yang besar terhadap Bahasa Jerman (Burghardt, 2005). Bahasa Inggeris sudah mencerobohi Bahasa Jerman dan menjadi medium yang paling penting terutamanya dalam bidang teknologi dan ekonomi di negara Jerman (DW-World, 2004). Perubahan dalam bahasa Jerman ini berlaku sebab ia membolehkan bahasa Jerman mengikuti trend dan fesyen terkini serta menjadi sebuah bahasa yang popular dalam arena antarabangsa. Kini Bahasa Jerman berada dalam peringkat *flux*, iaitu peringkat di mana Bahasa

Jerman mengalami perubahan berterusan. Bahasa Jerman kini telah menerima banyak leksis asing, terutamanya daripada bahasa Inggeris (Glück, H., 2004) . Kini dalam media elektronik, fenomena ini jelas kelihatan dan melahirkan satu bentuk bahasa hibrid, iaitu sebuah bahasa yang mengintergrasikan Bahasa Jerman dan Bahasa Inggeris, telah wujud dan sedang berakar umbi di negara Jerman (Mathew, 2004). Walaupun genre baru ini hanya aktif dalam laras-laras tertentu sahaja, ini tidak bermakna fenomena ini tidak serius kerana pada hakikatnya genre ini semakin menyebar hari demi hari dan menjadi semakin kukuh (Zimmer, 1995). Pakar-pakar daripada Persatuan Bahasa Jerman (Association of German Language) dan Institut Goethe (Goethe Institute) memberi amaran bahawa Bahasa Jerman akan pupus pada suatu hari nanti jika masalah ini tidak dikawal dan langkah-langkah yang sewajarnya tidak diambil (Goethe Institute, 2003). Adakah bahasa hibrid yang dinamakan *Denglisch* ini akan mengambil tempat bahasa Jerman suatu hari nanti? Sejauh manakah *Denglisch* ini akan tersebar? Adakah Bahasa Jerman akan pupus atau mati atas sebab perubahan bahasa pada masa akan datang?

1.2 Pernyataan masalah

Usaha mengekalkan Bahasa Jerman dan mempromosikannya memang dilaksanakan dengan baik oleh pihak kerajaan Jerman, institusi-institusi dan perbadanan-perbadanan Bahasa Jerman. Misalnya:

- i. ahli politik dari Berlin, Eckert Werthebach telah mencadangkan Undang-undang Penulenan Bahasa (Purification Law-ein Reinheitsgebot für die deutsche Spache) untuk bahasa Jerman pada bulan Februari 2001 (Connolly, 2001).

- ii. President Negara Jerman, Wolfgang Thierse daripada Parti Politik Sosial Demokrasi Negara Jerman (Sozialdemokratischen Partei Deutschlands-SPD) meminta pertolongan daripada masyarakat untuk membanteras fenomena ini (Coiplet, 2001).
- iii. Institut Goethe (Goethe Institute) giat mempromosikan pembelajaran bahasa Jerman sebagai bahasa asing di negara Jerman serta di seluruh pelusuk dunia. Institut Goethe (Goethe Institut) mempunyai sebanyak 142 cawangan–16 daripadanya di negara Jerman dan 126 cawangan di luar negara Jerman. Setiap tahun sebanyak 278 Euro million diperuntukkan oleh Jabatan Penghubungan Luar Negara Jerman (German Foreign Office) dan Jabatan Penerbitan Negara Jerman (German Press Office) untuk tujuan mempromosikan Bahasa Jerman. Sementara itu, badan-badan lain seperti Perkhidmatan Pertukaran Akademik Negara Jerman (Deutsche Akademischer Austauschdienst–DAAD) mengeluarkan sebanyak 1000 buah biasiswa setiap tahun untuk menggalakkan mereka yang berminat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi di Negara Jerman.
- iv. Sebuah sistem baru bagi Bahasa Jerman telah diperkenalkan di seluruh negara Jerman pada tahun 1998. Segala perubahan yang telah dibuat ke atas Bahasa Jerman

telah dibukukan dan diagihkan ke seluruh negara dan luar negara untuk rujukan (Stevenson, 1997).

Akan tetapi usaha-usaha yang diperjuangkan oleh mereka ini telah dikikis sedikit demi sedikit, hari demi hari, tahun demi tahun akibat daripada pengaruh Bahasa Inggeris yang mempunyai status global yang tidak dapat disangsikan. Kini, bukan sahaja terdapat banyak leksis Bahasa Inggeris digunakan dalam kehidupan harian orang-orang Jerman malah leksis-leksis ini diterima dalam kamus Bahasa Jerman. Contoh leksis *Denglisch* yang telah diterima dalam kamus Bahasa Jerman: ***die Information*** (informasi), ***der Babysitter*** (pengasuh anak), ***chatten*** (sembang), ***jobben*** (bekerja) dan lain-lain lagi. Leksis *Denglisch* ini sebenarnya mempunyai leksis asal bahasa Jerman, iaitu ***die Auskunft***, ***der Kinderhüter***, ***plaudern***, dan ***arbeiten***. Walaupun terdapat bantahan yang kuat ke atas situasi *Denglisch* ini, nampaknya luahan isi hati golongan ini tidak dapat menangani arus globalisasi yang begitu ganas. Leksis *Denglisch* sememangnya mempunyai leksis Jerman yang asli. Kenapa pengguna-pengguna Bahasa Jerman memilih leksis *Denglisch* dan menyisihkan leksis Jerman yang asal? Menurut Glück (2004) leksis-leksis yang digunakan pada tahun 1900 sudah dianggap ketinggalan zaman dan keadaan yang lebih serius adalah kebanyakan leksis-leksis yang penting adalah daripada Bahasa Inggeris atau leksis *Denglisch* (Hintereder, 2004). Daripada insiden ini, jelas kelihatan leksis *Denglisch* telah menular dengan berleluasa dan perkembangan *Denglisch* ini semakin membimbangkan. Banyak pihak bimbang akan kehilangan identiti nasional akibat daripada keputusan mereka untuk memilih penggunaan bahasa mereka.

1.3 Objektif kajian

Kajian ini dijalankan untuk meninjau keadaan *Denglisch* di negara Jerman dan kajian ini tertumpu kepada empat objektif yang hendak dicapai:

- i. mengenal pasti leksis *Denglisch* dalam tabloid media elektronik, *Bild* di negara Jerman.
- ii. mengkategorikan golongan kata leksis *Denglisch* dalam tabloid media elektronik, *Bild*.
- iii. melihat sama ada terdapat leksis *Denglisch* yang mengalami perubahan golongan kata.
- iv. menganalisis pembentukan leksis *Denglisch*.

1.4 Batasan kajian

Kajian ini mengambil data, iaitu daripada salah satu surat khabar elektronik (on-line news paper) di negara Jerman - tabloid elektronik *Bild*. Data dikumpul setiap hari selama tiga bulan, iaitu daripada bulan Januari hingga ke bulan March 2007. Kajian ini hanya tertumpu kepada leksis *Denglisch*, iaitu satu bahasa hibrid Bahasa Jerman dengan Bahasa Inggeris sahaja. Kajian ini hanya tertumpu kepada item leksikal sahaja. Dengan itu, peringkat frasa dan ayat tidak akan dikaji dalam kajian ini. Selain itu, adalah penting untuk digariskan dengan jelas di sini bahawa kajian ini hanya menfokuskan kepada item leksikal sahaja. Bahagian-bahagian seperti fonologi, semantik, sintaksis dan pragmatik tidak termasuk dalam skop kajian ini.

1.5 Kepentingan kajian

Kepentingan yang menjadi daya pencetus kepada kajian ini ialah senarai leksis *Denglisch* dapat dikumpul pada akhir kajian ini. Selain itu maklumat berkenaan golongan kata bagi leksis *Denglisch* turut dapat dikumpulkan. Pada masa yang sama, kajian ini dapat membuktikan sama ada terdapat leksis *Denglisch* yang mengalami

perubahan dalam golongan kata, iaitu daripada golongan kata asal kepada golongan kata baru (contohnya, daripada kata nama kepada kata kerja atau sebaliknya dan lain-lain lagi.). Akhir sekali kajian ini dapat menggambarkan pembentukan leksis *Denglisch*.

1.6 Definisi istilah-istilah penting

Istilah-istilah di bawah ini merupakan istilah-istilah yang penting dalam kajian ini. Kehadiran definisi yang mudah difahami ini akan melancarkan pembacaan para pembaca disertasi ini.

- (a) *Denglisch* – *Denglisch* merupakan sebuah bahasa baru yang wujud akibat daripada pertembungan Bahasa Inggeris dan Bahasa Jerman. Ia dibentuk dengan mengkombinasikan Bahasa Jerman dan Bahasa Inggeris, iaitu sebuah bahasa campuran Bahasa Inggeris dan Bahasa Jerman. *Denglisch* ini merangkumi:
- i. penggunaan perkataan Bahasa Inggeris dalam ayat Bahasa Jerman, contohnya perkataan *Comeback, Meeting...*
 - ii. penggunaan frasa Bahasa Inggeris dalam ayat Bahasa Jerman, contohnya *i don't know, So what?...*
 - iii. penggunaan akronim-akronim dalam ayat Bahasa Jerman, misalnya *TV (television), scuba (self-contained underwater breathing apparatus)...*
 - iv. penyesuaian kata kerja Bahasa Inggeris dengan mengikut hukum tatabahasa Jerman, misalnya *updaten, toppen...*

- v. pembentukan perkataan/ istilah hibrid baru dengan mencampurkan Bahasa Inggeris dan Bahasa Jerman, contohnya *Strechhose*, *Marketingabteilung*...
- vi. Penggunaan nama atau slogan produk Bahasa Inggeris di negara-negara yang menggunakan Bahasa Jerman, contohnya *Weekend Special, Just do it!*...
- vii. Penggunaan perkataan Bahasa Inggeris yang diberi makna atau sistem penulisan yang berlainan di negara Jerman, contohnya *Handy*...
- viii. penggunaan frasa-frasa Bahasa Inggeris dengan cara yang berlainan di negara Jerman, contohnya, *Last not least* dan bukannya *last but not least*...

(b) **Bahasa Inggeris** – Bahasa Inggeris merupakan sebuah bahasa yang tergolong dalam rumpun bahasa Indo-Eropah. Bahasa Inggeris yang dimaksudkan dalam kajian ini boleh merujuk kepada dua kumpulan yang utama, iaitu Bahasa Inggeris British dan bahasa Inggeris Amerika. Bahasa Inggeris ialah bahasa rasmi negara Britian, Amerika Syarikat dan kebanyakan negara-negara Komanwel dan sesetengah negara lain di dunia ini (Makins, 1995:256).

(c) **Bahasa Jerman**–Bahasa Jerman atau dipanggil *Deutsch* dalam Bahasa Jerman berasal daripada rumpun bahasa Jermanik Barat. Bahasa Jerman berasal daripada rumpun bahasa yang sama dengan Bahasa Inggeris, iaitu rumpun bahasa Indo-Eropah dan merupakan salah satu dari bahasa dunia utama dan dituturkan oleh lebih kira-kira 100 juta penutur natif dan kira-kira 80 juta penutuf bukan natif di 38 negara di dunia ini. Bahasa Jerman merupakan bahasa rasmi di negara Jerman, Austria, Liechtenstein,

Switzerland, Luxembourg, Belgium, Kesatuan Eropah serta merupakan salah satu bahasa rasmi di negara Denmark, Itali, Poland dan bahasa rasmi dari Namibia hingga 1990 (National Geographic Collegiate Atlas of the World, 2006). Bahasa Jerman yang dimaksudkan dalam kajian ini merupakan bahasa standard dan bukannya dialek Bahasa Jerman.

- (d) **Leksis**—Leksis yang dimaksudkan dalam kajian ini mendukung makna sebuah perkataan. Menurut Palmer (1981:32) leksis merupakan istilah teknikal bagi perkataan dan bentuk jamak leksis merupakan item-item leksikal. Leksis merupakan unit tatabahasa yang paling kecil dalam sesuatu bahasa (Lewis, 1997).
- (e) **Golongan kata**—Golongan kata merupakan kategori perkataan linguistik dalam tatabahasa. Sering ia dirujuk sebagai kelas perkataan, kelas leksis atau dalam tatabahasa tradisional ia dinamakan *part of speech*. Bahasa yang berlainan mempunyai golongan kata yang berlainan. Secara umumnya golongan kata dapat dibahagikan kepada dua kategori yang utama, iaitu golongan kata terbuka yang selalu menerima ahli baru manakala golongan kata tertutup pula jarang atau tidak menerima ahli baru sama sekali. Dalam kajian ini, golongan kata yang menjadi dasar rujukan berasal daripada golongan kata Hans Glinz, seorang ahli linguist Jerman, iaitu partikel, kata nama, kata ganti nama diri, kata adjektif dan kata kerja.
- (f) **Pembentukan kata**—Pembentukan kata merujuk kepada bagaimana leksis *Denglisch* dibentuk. Dalam kajian ini leksis *Denglisch* dibentuk menerusi penerbitan (Derivation) dan pemajmukan (Compounding) yang akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab Dua.

1.7 Kesimpulan

Dalam Bab Satu ini, maklumat-maklumat seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi istilah-istilah penting dipaparkan. Maklumat-maklumat ini memberi gambaran secara keseluruhan mengenai kajian ini kepada para pembaca. Ini dapat mempermudahkan pembacaan para pembaca.